



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **KERAJAAN PASTIKAN PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS LEBIH INKLUSIF DAN HOLISTIK**

**PUTRAJAYA, 4 Julai 2019** – YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi hari ini telah menyempurnakan majlis penutup Persidangan Pelancaran Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12). Persidangan selama empat hari yang bermula 1 Julai 2019 lalu merupakan inisiatif pertama daripada beberapa siri libat urus yang melibatkan pakar dan pihak berkepentingan dalam penyediaan RMKe-12 yang diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Turut hadir ialah Puan Zakiah Jaafar iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Makro) dan YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MEA, Mr. Stefan Priesner iaitu Wakil Penyelaras Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura dan Brunei serta Dr. Firas Raad, Pengarah Bank Dunia untuk Malaysia.

Persidangan ini yang melibatkan kira-kira 500 peserta telah mencapai objektif untuk mendapatkan input, maklum balas dan perkongsian pandangan dalam usaha mengenal pasti isu-isu terkini dan trend semasa global yang perlu diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12. Gagasan Kemakmuran Bersama (*Shared Prosperity Initiative*) merupakan teras kepada RMKe-12 yang merangkumi tiga dimensi iaitu pemeraksanaan ekonomi, kemampuan alam sekitar dan perekayasaan sosial. Sebanyak 11 topik telah dikupas dan dibentangkan sepanjang persidangan oleh pakar-pakar dari dalam negara dan agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia dan Asian Development Bank.

Hasil persidangan ini juga akan digunakan dalam perbincangan oleh 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (*Inter-Agency Planning Groups - IAPG*) dan 47 Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Groups - TWG*) yang telah diwujudkan untuk menyediakan 30 kertas strategi bagi RMKe-12. Penyertaan semua pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan dasar yang dirangka adalah inklusif

dan holistik. Di samping itu, libat urus akan diteruskan dengan sesi jelajah ke semua kerajaan negeri bermula 5 Julai 2019.

RMKe-12 juga akan mendukung tujuh teras strategik yang telah digariskan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, dalam konsep Kemakmuran Bersama dengan memberi tumpuan kepada beberapa pemboleh, antaranya dasar fiskal yang lebih kukuh, tahap tadbir urus dan integriti yang tinggi serta sokongan modal kewangan yang kompetitif. Beberapa bidang dan fokus juga akan ditambah baik seperti penyampaian perkhidmatan awam, kestabilan kewangan, data raya yang komprehensif serta masyarakat yang berpengetahuan.

Kementerian ini yakin kerjasama strategik antara semua pihak berkepentingan bagi merangka hala tuju RMKe-12 akan memastikan kesejahteraan dan kepentingan rakyat terus dipelihara dan Malaysia Baharu terus berada di landasan untuk mencapai sebuah negara yang benar-benar maju, mampan dan inklusif.

**###**